

TARIKH : 4 OGOS 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 4
SURAT

RMK13 bukti kerajaan tidak pinggir kawasan luar bandar

Nasional

Isnin, 4 Ogos 2025

RMK13 bukti kerajaan tidak pinggir kawasan luar bandar

Rancangan pembangunan lebih seimbang, teliti tingkat kesejahteraan

Lahad Datu: Pemerkasaan wilayah luar bandar termasuk di negeri ini menerusi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) membuktikan kerajaan tidak meminggirkan kawasan berkenaan daripada arus pembangunan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, bagi Sabah, beliau melihat beberapa tumpuan khusus yang signifikan diberikan, termasuk usaha menjadikan negeri itu sebagai hab Ekonomi Biru bagi menarik pelaburan dalam industri strategik baharu.

"Kita juga akan meningkatkan langkah mitigasi banjir demi keselamatan dan kesejahteraan rakyat," katanya ketika berucap pada Program Sentuhan Kasih Desa MADANI @ Lahad Datu di Kampung Sapagaya, di sini, semalam.

Beliau berkata, kerajaan turut merancang untuk menjadikan Sabah sebagai hab pengeluaran makanan, sekali gus memperkukuh peranan kawasan luar bandar sebagai tulang belakang kepada ketenteraman makanan negara.

Majlis Perasmian



Ahmad Zahid menyampaikan replika cek bantuan usahawan KEMAS kepada Nuriman Annoh pada Program Sentuhan Kasih Desa MADANI di Kampung Sapagaya, Lahad Datu, semalam. (Foto BERNAMA)

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan RMK13 dari 2026 hingga 2030 pada Khamis lalu, mengumumkan inisiatif seperti Hab Hidrogen Sarawak dan Jaminan Bekalan Tenaga Sabah yang akan memperkukuh infrastruktur tenaga di kedua-dua negeri.

Menerusi RMK13, keutamaan juga diberi kepada pembinaan rangkaian jalan Sabah-Sarawak-Kalimantan yang selari dengan pemindahan ibu negara Indonesia ke Nusantara di Kalimantan Timur.

Turut diberi penekanan ialah strategi pembangunan ekonomi secara intensif, transformasi digital dan sokongan terhadap daya tahan perusahaan mikro,

kecil dan sederhana (PMKS).

Kerajaan turut komited memperkukuh rangkaian peruncitan Pasar Tamu di Sabah dan Sarawak, pembangunan hab perikanan bersepadu, pelancongan pantai dan maritim, serta teknologi bio biru, termasuk menaik taraf kemudahan bunkering di pelabuhan Sabah.

Ultizam Kerajaan MADANI

Dalam pada itu, Ahmad Zahid berkata, RMK13 juga adalah manifestasi ultizam Kerajaan MADANI dalam membangunkan infrastruktur asas, memperkukuh keusahawanan serta meningkatkan kesiapsiagaan bencana di kawasan desa.

Pada program itu, beliau turut

menyampaikan bantuan peralatan sokongan pengukuhan keusahawanan luar bandar (SPKLB) serta merasmikan bangunan tabika dan kelas kemahiran Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Beliau berkata, KEMAS akan terus memainkan peranan luar biasa untuk mengarusperdanakan ilmu, membina potensi masyarakat serta menyampaikan khidmat secara inklusif dan holistik.

Katanya, KEMAS sebagai satu sayap di Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), telah merangka pelbagai program transformatif untuk rakyat, khususnya dalam membangunkan keusahawanan komuniti